



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 22 SEPTEMBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>500 SUKARELAWAN YPM DIGERAK PERKASA PENDIDIKAN, KESIAPSIAGAAN BENCANA – AHMAD ZAHID</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/500-sukarelawan-ypm-digerak-perkasa-pendidikan-dan-kesiapsiagaan-bencana-ahmad-zahid/">https://www.buletintv3.my/nasional/500-sukarelawan-ypm-digerak-perkasa-pendidikan-dan-kesiapsiagaan-bencana-ahmad-zahid/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266438/ypm-nadma-jalin-kerjasama-strategik-perkasa-sukarelawan-bencana">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266438/ypm-nadma-jalin-kerjasama-strategik-perkasa-sukarelawan-bencana</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/inisiatif-tot-dan-rakan-nadmasahabat-ypm-perkasa-sukarelawan-sabahlabuan-539394">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/inisiatif-tot-dan-rakan-nadmasahabat-ypm-perkasa-sukarelawan-sabahlabuan-539394</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://umno-online.my/2025/09/21/ahmad-zahid-melancarkan-sukarelawan-rakan-nadmaypm/">https://umno-online.my/2025/09/21/ahmad-zahid-melancarkan-sukarelawan-rakan-nadmaypm/</a>	UMNO-ONLINE.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1278328/zahid-sahabat-ypm-empowered-face-disasters-community-level">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1278328/zahid-sahabat-ypm-empowered-face-disasters-community-level</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1448661/sahabat-ypm-diperkasa-hadapi-bencana-peringkat-komuniti">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1448661/sahabat-ypm-diperkasa-hadapi-bencana-peringkat-komuniti</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://wilayah.com.my/tot-and-rakan-nadmasahabat-ypm-initiatives-empower-sabah-labuan-volunteers/">https://wilayah.com.my/tot-and-rakan-nadmasahabat-ypm-initiatives-empower-sabah-labuan-volunteers/</a>	WILAYAH.COM	
	<a href="https://umno-online.my/2025/09/21/sahabat-ypm-diperkasa-hadapi-bencana-peringkat-komuniti-ahmad-zahid/">https://umno-online.my/2025/09/21/sahabat-ypm-diperkasa-hadapi-bencana-peringkat-komuniti-ahmad-zahid/</a>	UMNO-ONLINE.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>MANGSA BANJIR DI SABAH, SARAWAK MENURUN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/mangsa-banjir-di-sabah-sarawak-menurun/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/mangsa-banjir-di-sabah-sarawak-menurun/</a>	KOSMO.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>PEGAWAI JKM MENGAKU BERSALAH TERIMA RM2,100</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/pegawai-jkm-mengaku-bersalah-terima-rm2100/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/pegawai-jkm-mengaku-bersalah-terima-rm2100/</a>	KOSMO.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>SYOR TINDAKAN TERHADAP PEREMPUAN TERLIBAT KES ROGOL SUKA SAMA SUKA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/syor-tindakan-terhadap-perempuan-terlibat-kes-rogol-suka-sama-suka/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/syor-tindakan-terhadap-perempuan-terlibat-kes-rogol-suka-sama-suka/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/90-peratus-kes-rogol-di-kelantan-suka-sama-suka-polis-syor-teliti-semula-perundangan/">https://www.buletintv3.my/nasional/90-peratus-kes-rogol-di-kelantan-suka-sama-suka-polis-syor-teliti-semula-perundangan/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1448690/seks-suka-sama-suka-polis-kelantan-syor-pasangan-bawah-umur-juga">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1448690/seks-suka-sama-suka-polis-kelantan-syor-pasangan-bawah-umur-juga</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/90-peratus-kes-rogol-bawah-umur-di-kelantan-berlaku-suka-sama-suka/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/21/90-peratus-kes-rogol-bawah-umur-di-kelantan-berlaku-suka-sama-suka/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.malysiakini.com/news/755807">https://www.malysiakini.com/news/755807</a>	MALYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/09/21/kelantan-police-chief-misunderstood-rape-law-says-mp">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/09/21/kelantan-police-chief-misunderstood-rape-law-says-mp</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.malysiakini.com/news/755806">https://www.malysiakini.com/news/755806</a>	MALYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278330/cops-moot-review-statutory-rape-laws-say-90pct-kelantan-cases">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278330/cops-moot-review-statutory-rape-laws-say-90pct-kelantan-cases</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/09/21/kelantan-cop-says-to-also-charge-underage-girls-in-consensual-sex">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/09/21/kelantan-cop-says-to-also-charge-underage-girls-in-consensual-sex</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>'ABUYA' BAKAL BERDEPAN ENAM LAGI PERTUDUHAN JENAYAH SEKSUAL</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266413/abuya-bakal-berdepan-enam-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266413/abuya-bakal-berdepan-enam-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2469660">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2469660</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/748850/berita/semasa/abuya-bakal-berdepan-6-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual-di-kelantan">https://www.sinarharian.com.my/article/748850/berita/semasa/abuya-bakal-berdepan-6-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual-di-kelantan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/21/pondok-school-head-039ustaz-abuya039-rearrested-after-six-more-sexual-assault-reports">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/21/pondok-school-head-039ustaz-abuya039-rearrested-after-six-more-sexual-assault-reports</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/pondok-headmaster-rearrested-after-six-new-sexual-assault-reports-EI14941371">https://thesun.my/malaysia-news/pondok-headmaster-rearrested-after-six-new-sexual-assault-reports-EI14941371</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2469703">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2469703</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://gempak.com/berita/abuya-dituduh-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-remaja-lelaki">https://gempak.com/berita/abuya-dituduh-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-remaja-lelaki</a>	GEMPAK.COM	
	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/61451/rogol-amang-seksual-remaja-lelaki-abuya-berdepan-6-lagi-pertuduhan">https://www.getaran.my/artikel/semasa/61451/rogol-amang-seksual-remaja-lelaki-abuya-berdepan-6-lagi-pertuduhan</a>	GETARAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>GURU DIREMAN DISYAKI LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP MURID LELAKI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1448815/guru-direman-disyaki-lakukan-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1448815/guru-direman-disyaki-lakukan-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/guru-disyaki-lakukan-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki-orang-asli/">https://www.buletintv3.my/jenayah/guru-disyaki-lakukan-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki-orang-asli/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/748903/berita/semasa/guru-lelaki-ditahan-disyaki-amang-seksual-fizikal-murid-11-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/748903/berita/semasa/guru-lelaki-ditahan-disyaki-amang-seksual-fizikal-murid-11-tahun</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278430/teacher-accused-molesting-pupil-freed-bail-probe-ongoing">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278430/teacher-accused-molesting-pupil-freed-bail-probe-ongoing</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266565/guru-disyaki-laku-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki-telefon-bimbit">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266565/guru-disyaki-laku-amang-seksual-terhadap-murid-lelaki-telefon-bimbit</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/guru-didakwa-amang-seksual-murid-lelaki-11-tahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/guru-didakwa-amang-seksual-murid-lelaki-11-tahun/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YPM, NADMA PERKASA SUKARELAWAN HADAPI BENCANA PERINGKAT KOMUNITI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## YPM, NADMA perkasa sukarelawan hadapi bencana peringkat komuniti

Kerjasama strategik tingkat siap siaga barisan hadapan berdepan situasi cemas

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Yayasan Pelajaran MARA (YPM) menjalin kerjasama strategik dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi membentuk Rakan NADMA@Sahabat YPM dalam memperkasa badan sukarelawan itu untuk menghadapi bencana di peringkat komuniti.

Inisiatif itu dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sejajar dengan keperluan kesiapsiagaan menghadapi bencana di peringkat komuniti seluruh negara.

Dalam ucapannya, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, berkata YPM bukan saja berperanan dalam bidang pendidikan, malah menjadi barisan hadapan ketika bencana.

"Melalui inisiatif ini, Sahabat YPM akan diperkasa sebagai sukarelawan kesiapsiagaan bencana di peringkat komuniti.

"Rangkaian sukarelawan YPM ini berperanan dalam bidang pendidikan dan menjadi barisan hadapan sokongan komuniti ke-



Ahmad Zahid pada majlis perasmian Kursus Train of Trainers Khas Sahabat dan Sekretariat YPM serta Pelancaran Inisiatif Rakan NADMA@Sahabat YPM, di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Atinin/BH)

tika berlaku bencana alam atau kecemasan," katanya pada majlis perasmian kursus Train of Trainers (ToT) Khas Sahabat dan Sekretariat YPM serta Pelancaran Inisiatif Rakan NADMA@Sahabat YPM, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki; Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad serta Ketua

UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

### Kerjasama diperluas

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata sejajar komitmen itu, kerjasama turut diperluaskan dengan agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), termasuk GiatMARA.

Katanya, GiatMARA juga berganding bahu menyalurkan sumbangan kepada mangsa banjir melalui kerjasama bersama NADMA.

"Sinergi ini melambangkan

pendekatan holistik kerajaan dalam mengintegrasikan pendidikan, kesiapsiagaan bencana dan sokongan komuniti di seluruh negara.

"Saya percaya, majlis pada hari ini turut mencerminkan iltizam kerajaan dalam memastikan pendidikan dan pembangunan modal insan yang lebih inklusif, holistik serta menyumbang kepada aspirasi Malaysia sebagai negara maju berteraskan ilmu dan kepakaran teknikal," katanya.

Sementara itu, katanya Kursus Train of Trainers Khas Sahabat dan Sekretariat YPM peringkat Negeri Sabah dan Parlimen La-

buan menghimpunkan lebih 500 orang Sahabat dan Sekretariat YPM dari Sabah dan Labuan.

Beliau berkata, Sahabat dan Sekretariat YPM berperanan menggerakkan pelbagai inisiatif pendidikan di bawah KKDW, MARA dan YPM pada peringkat komuniti.

"Saya melihat inisiatif ToT ini bukan sahaja memperkukuh kapasiti sukarelawan tetapi juga menjadikan mereka sebagai 'pembimbing akar umbi' yang boleh mendekati pelajar di kampung, di pulau dan di pedalaman.

"Kita akan terus memperkukuh program motivasi, bimbingan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta outreach Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di seluruh pelosok Sabah.

"Saya juga ingin menegaskan Sahabat dan Sekretariat YPM di Sabah perlu tampil sebagai *role model* kepada belia setempat.

"Jadilah ejen perubahan mampu menginspirasi, membimbing dan menunjukkan jalan yang betul kepada anak muda kita," katanya.

Ahmad Zahid berkata, hanya dengan cara itu dapat membina Sabah yang lebih maju, sejahtera dan seimbang dari sudut pembangunan sosial dan budaya.

Katanya, inisiatif itu juga mempunyai objektif pelaksanaan jelas dengan memberi latihan kepada Sekretariat dan Sahabat YPM mengenai modul khas yang disediakan Bahagian Latihan dan Kepimpinan dengan seragam dan efektif.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 500 sukarelawan YPM digerak perkasas pendidikan, kesiapsiagaan bencana – Ahmad Zahid

© 21 September 2025, 11:26am



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi hadir melancarkan Kursus 'Train of Trainers' (ToT) Khas Sahabat dan Sekretariat YPM serta pelancaran inisiatif Rakan NADMA@Sahabat YPM di sini, hari ini.

Oleh: Safwan Sawi

**KOTA KINABALU:** Dari pedalaman hingga ke pulau, usaha memperkukuh pendidikan anak muda di Sabah dan Labuan terus diperkasas dengan penyertaan lebih 500 sukarelawan Sahabat serta Sekretariat Yayasan Pelajaran MARA (YPM), di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kehadiran ratusan sukarelawan itu membuktikan komitmen besar golongan belia dan tenaga akar umbi untuk berganding bahu dalam menjayakan pelbagai inisiatif pendidikan, bimbingan akademik dan latihan kemahiran di bawah KKDW, MARA serta YPM.

"Kita mahu memperkukuh program motivasi, bimbingan SPM serta outreach Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) agar pendidikan berkualiti dapat sampai ke seluruh pelusuk Sabah.

"Sukarelawan ini akan menjadi fasilitator bertauliah yang berperanan membimbing dan memberi inspirasi kepada anak-anak muda," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian dalam kenyataan sempena Kursus 'Train of Trainers' (ToT) Khas Sahabat dan Sekretariat YPM serta pelancaran inisiatif Rakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)@Sahabat YPM di sini, hari ini.

Acara tertutup itu turut dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad; Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki; dan Ketua UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Menurut Ahmad Zahid, kursus ToT itu bukan sekadar latihan biasa, sebaliknya platform untuk melahirkan pembimbing akar umbi yang mampu mendekati pelajar di kampung, pulau dan pedalaman, seterusnya menjadi ejen perubahan dalam masyarakat.

Beliau menegaskan, Sahabat dan Sekretariat YPM di Sabah perlu tampil sebagai role model dengan menunjukkan kepimpinan positif, sekali gus menjadi teladan kepada belia setempat.

"Hanya melalui usaha bersama ini, Sabah dapat dibangunkan secara lebih seimbang dari segi sosial, pendidikan dan budaya," katanya.

Kursus ToT itu turut membawa objektif jelas, termasuk memberi latihan berstruktur melalui modul khas yang disediakan Bahagian Latihan dan Kepimpinan, memperkenalkan program TVET di bawah ekosistem KKDW dan MARA, melahirkan pelapis fasilitator serta memberikan pengiktirafan rasmi kepada sukarelawan sebagai fasilitator bertauliah YPM.

Sementara itu, pelancaran Rakan NADMA@Sahabat YPM memberi nafas baharu kepada peranan sukarelawan apabila mereka turut diperkasas sebagai barisan hadapan dalam kesiapsiagaan bencana.

Melalui inisiatif ini, sukarelawan YPM bukan sahaja digerakkan dalam bidang pendidikan, malah menjadi tulang belakang sokongan komuniti ketika berlakunya bencana alam atau kecemasan.

"Kolaborasi ini turut melibatkan agensi-agensi di bawah KKDW termasuk GiatMARA, yang berganding bahu menyalurkan sumbangan kepada mangsa banjir melalui kerjasama erat dengan NADMA.

"Sinergi ini mencerminkan pendekatan holistik kerajaan dalam mengintegrasikan pendidikan, kesiapsiagaan bencana dan sokongan komuniti," katanya.

Ahmad Zahid menegaskan kerajaan beriltizam memastikan pembangunan modal insan di Sabah dan Labuan terus diberi perhatian melalui pendekatan inklusif dan holistik.

Beliau yakin langkah ini akan melahirkan generasi muda yang lebih berdaya saing serta mampu menyumbang kepada aspirasi Malaysia sebagai negara maju berteraskan ilmu dan kepakaran teknikal.

Beliau berkata, penglibatan belia dalam inisiatif seperti ToT dan Rakan NADMA@Sahabat YPM juga mampu menanamkan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat serta membina jaringan sokongan yang lebih kukuh di peringkat komuniti.

"Apabila pendidikan, kemahiran teknikal dan kesiapsiagaan bencana digabungkan, kita bukan sahaja membentuk sukarelawan yang berdedikasi, malah membina ekosistem masyarakat yang lebih tahan lasak, bersatu dan sedia mendepani cabaran mendatang," katanya.

Majlis yang turut dihadiri pimpinan agensi kerajaan, wakil KKDW, MARA dan YPM itu menyaksikan sesi pengiktirafan kepada fasilitator pelapis daripada kalangan sukarelawan YPM, sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam menggerakkan agenda pendidikan negara.

Dengan pelaksanaan kursus dan inisiatif baharu itu, Sabah dilihat bakal menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dalam memperkukuh pendidikan akar umbi, membangunkan modal insan serta membina rangkaian sukarelawan yang lebih mantap bagi menyokong agenda Malaysia Madani.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	130 FLOOD VICTIMS AT SABAH RELIEF CENTRES		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	22 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## IMPROVING SITUATION

# 130 FLOOD VICTIMS AT SABAH RELIEF CENTRES

Figure down from 439 yesterday morning

LYLIA MARSYA ISKANDAR AND IZWAN ABDULLAH  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

ONLY 130 people in Sabah are still at flood shelters as of 4pm yesterday, down from 439 in the morning.

They comprised 892 people from 273 families the night before.

Victims had been placed at four relief centres across Penampang, Membakut and Papar.

As floods recede in Sabah but more anticipated on the east coast of the peninsula at the end of the year, the government has moved to strengthen community disaster preparedness.

Yayasan Pelajaran Mara (YPM) has established a strategic partnership with the National Disaster Management Agency (Nadma) through the Rakan Nadma@Sahabat YPM initiative. It was launched yesterday by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi in Kota Kinabalu.

Zahid, who is also Central Disaster Management Committee chairman, said the programme would empower Sahabat YPM volunteers to support communities during emergencies and natural disasters, while continuing



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi at the launch of the 'Train of Trainers' course for Sahabat YPM and the YPM Secretariat foundation in Kota Kinabalu yesterday. NSTP PIC BY MOHD ADAM ARININ

their work in education.

"It not only contributes in education, but also acts as frontline support for communities during natural disasters," he said at the launch of the "Train the Trainers" course for Sahabat YPM and the YPM Secretariat foundation.

He added that the collaboration reflected the government's holistic approach, integrating education, disaster preparedness and community support nationwide.

Zahid is also rural and regional development minister and oversees Mara.

Agencies under his ministry, including GiatMARA, are also working with Nadma to provide direct aid to flood victims.

The event brought together over 500 members of Sahabat

and the YPM Secretariat from Sabah and Labuan.

Zahid said the training would strengthen the volunteers' capacity to act as "grassroots mentors", extending educational outreach, technical and vocational training, and motivational programmes to students in rural, island and remote areas.

"Only through such efforts can Sabah be developed into a more advanced, prosperous and balanced state in terms of social and cultural development."

He added that the initiative also granted recognition to Sahabat and the YPM Secretariat as certified facilitators, ensuring standardised and effective training delivery while inspiring local youth.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keadaan banjir di daerah Penampang yang dirakam dari pandangan udara, baru-baru ini. - Foto IHSAN BENCANA ALAM SABAH

## Mangsa banjir di Sabah, Sarawak menurun

Oleh ALIA NATASHA CHAHIDAN 21 September 2025, 5:46 pm

PETALING JAYA – Seramai 601 mangsa banjir daripada 201 keluarga masih ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di Sabah dan Sarawak.

Menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah mangsa menurun sebanyak 50 peratus berbanding sebelumnya, manakala keluarga yang terjejas menurun lebih 54 peratus.

Sabah mencatatkan jumlah mangsa paling ramai iaitu 584 mangsa daripada 196 keluarga yang kini berada di tiga PPS.

Mangsa ditempatkan di Dewan Masyarakat Papar, Sekolah Menengah Kebangsaan St Patrick dan Dewan Kesenian Islam Membakut.

Sementara itu, Sarawak melaporkan 17 mangsa daripada 5 keluarga yang dipindahkan ke satu PPS yang dibuka di Dewan Suarah Marudi. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FEWER OLDER WOMEN IN THE WORKFORCE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## Fewer older women in the workforce

Growing gender gap among seniors as more men remain working

By **DIYANA PFORDTEN**  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The number of women working well into their golden years in the country is shrinking as more men stay in the workforce, highlighting a gender gap among older workers.

Figures from the Statistics Department (DOSM) show that the number of employed women aged 55 to 64 fell 17% to 339,600 in the second quarter of the year, compared with 407,800 over the same period five years ago.

The number of employed men in the same age group rose 23%, from 878,000 to 1.08 million.

An earlier analysis of annual data showed that women aged between 60 and 64 working past retirement increased from 15.9% in 2022 to 20.9% in 2023, suggesting a short-term uptick in older women remaining employed.


This indicates that while some women may work slightly longer past 60, fewer are maintaining employment through their mid-50s until retirement age.

Experts say the gender gap exists because women are doing the bulk of unpaid caregiving duties for family members, forcing them to leave the workforce earlier than men.

They say that men also benefit from higher rates of self-employment, which allows them to work beyond the mandatory retirement age of 60.

In total, 1.42 million people aged between 55 and 64 are currently employed, with men accounting for 76% of this group.

"Women shoulder far more unpaid family care and domestic work, and are often in lower-paying roles with less flexibility, making it unlikely for them to remain longer in the formal labour force," said Chai Sen Tyng, senior research officer at the Malaysian



Source: Statistics Department

Research Institute on Ageing at Universiti Putra Malaysia. He said there is a pressing need to have more accessible and affordable childcare and long-term care services to narrow the gender gap. Equal opportunities and equal pay are also important for women to remain in the labour market

longer, he said.

"We must ensure that women, after a lifetime of cumulative disadvantages at the workplace, are not penalised further as they age," he said.

Assoc Prof Dr Tey Nai Peng, a demographer at Universiti Malaya, said high labour force participation among older men is

shaped by work histories, retirement rules and cultural expectations.

"Men generally have longer and more continuous employment histories, and they are also more likely to be self-employed, a sector not bound by mandatory retirement at 60," he said.

DOSM data shows 57% of older male workers are self-employed compared with 37% of women.

By contrast, women are more often concentrated in formal employment, where compulsory retirement applies, and have lower educational attainment than men in older cohorts, limiting their employability.

A March 2023 research paper co-authored by Tey titled "Active Engagement and Health Status of Older Malaysians: Evidence from a Household Survey" found that the gender gap widened sharply with age.

Among men, employment fell from 44.3% at ages 60-64 to 17% at 75 and above, while for women the decline was steeper, from 19.3% to just 4.9%.

Cultural roles reinforced this

**"We must ensure that women, after a lifetime of cumulative disadvantages at the workplace, are not penalised further as they age."**

Chai Sen Tyng

divide, Tey said.

"Women are expected to take on caregiving responsibilities, whether for grandchildren or elderly family members.

"These unpaid duties restrict their ability to continue in paid employment," he said.

Women also face financial disadvantages due to interrupted careers and lower lifetime earnings.

"Many have limited access to pensions or social protection, leaving them more dependent on family support," he said.

Tey said generational shifts could change the pattern.

He said female participation in the labour force has risen from 44.5% in 1982 to 56.5% in 2024, driven by greater access to education.

Today, 43.6% of employed women hold tertiary qualifications, compared with 30.5% of men.

"Younger women are entering the workforce with stronger credentials and more continuous work experience, which will improve their prospects of staying employed beyond age 55," he said.

Government programmes such as subsidised childcare, reskilling initiatives and gender equality reforms are also helping women balance work and family responsibilities, while cultural attitudes toward women's roles are gradually shifting.

Tey said policy support remained crucial, calling for flexible work arrangements, lifelong retraining, stronger pensions for vulnerable women, anti-discrimination measures and expanded aged-care and childcare services.

"These interventions are key to ensuring that older women are not further disadvantaged, and that those who wish to remain active in the workforce are able to do so."

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **DITINDIH IBU KETIKA TIDUR**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **22 SEPTEMBER 2025**

M/SURAT : **07**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## Ipoh

Seorang bayi berusia dua bulan meninggal dunia akibat lemas selepas disyaki ditindih ibunya sendiri dalam kejadian di Jalan Sungai Jawi, Kampung Sungai Dua Kota Setia dekat Parit pada Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Hafezul Helmi Hamzah berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu pada 18 September lepas, kira-kira jam 8.45 pagi.

"Bayi berkenaan disahkan meninggal dunia di Hospital Seri Manjung sebelum mayatnya dibawa ke Unit Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk dibedah siasat.

"Hasil bedah siasat men-

## Ditindih ibu ketika tidur

*Bayi 2 bulan maut kerana otak membengkak, paru-paru sembab*

dapati punca kematian adalah otak membengkak dan paru-paru sembab akibat ditindih," katanya.

Beliau berkata, hasil siasatan mengikut Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001 mendapati bayi terbabit le-

mas semasa sedang tidur bersama suspek, yang juga ibu kepada bayi itu kerana telah ditindih sehingga lemas atas katil yang sama.

"Tangkapan telah di buat ke atas suspek, yang juga seorang wanita warga Indonesia. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya.

"Suspek akan dituduh di Mahkamah Majistret Parit pada 22 September mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian dengan cuai," katanya.

**"Bayi berkenaan disahkan meninggal dunia di Hospital Seri Manjung sebelum mayatnya dibawa ke Unit Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk dibedah siasat"**

*Superintendan Hafezul Helmi Hamzah*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Muhammad Maududi didakwa menerima wang RM2,100 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu hari ini.

## Pegawai JKM mengaku bersalah terima RM2,100

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI | 21 September 2025, 4:44 pm

KUALA TERENGGANU – Seorang bekas Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan menerima wang berjumlah RM2,100 daripada seorang individu tanpa balasan untuk mendaftarkan pusat jagaan milik sebuah pertubuhan pada dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Maududi Abd. Rashid, 36, yang merupakan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuat pengakuan bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nazlyza Mohamad Nazri.

Berdasarkan pertuduhan pertama, Muhammad Maududi didakwa menerima wang berjumlah RM700 pada 5 Julai 2023 melalui pindahan ke akaun miliknya.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh menerima jumlah sama pada 7 Ogos 2023, dan dia sekali lagi menerima RM700 pada 5 September 2023 melalui kaedah transaksi serupa.

Kesemua wang itu dipindahkan daripada akaun sebuah syarikat yang mempunyai kaitan dengan urusan rasmi pendaftaran sebuah pusat jagaan di pejabat kebajikan berkenaan.

Muhammad Maududi didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan wang jaminan RM7,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dan seorang penjamin serta menetapkan tarikh jatuh hukum pada 30 September depan. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	90 PERATUS KES ROGOL BAWAH UMUR KERANA SUKA SAMA SUKA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	22 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	17
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## 90 peratus kes rogol bawah umur kerana suka sama suka

**Polis Kelantan cadang akta diteliti semula supaya kedua-dua pasangan dihukum**

Oleh Hazira Ahmad Zaidi  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Polis Kelantan mencadangkan undang-undang sedia ada diteliti semula khususnya dalam kes hubungan seksual bawah umur dengan kerelaan atau suka sama suka supaya tindakan tidak hanya ke atas pelaku sahaja, sebaliknya turut dikenakan terhadap pasangan mereka.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, berkata statistik menunjukkan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan berlaku atas dasar suka sama suka, bukannya paksaan.

Katanya, undang-undang sedia ada perlu diperhalusi semula supaya masyarakat lebih memahami kesan sesuatu kesalahan, sekali gus membantu membendung peningkatan kes pada masa akan datang.

"Justeru, terdapat keperluan untuk meneliti semula mekanisme perundangan sedia ada bagi

memastikan tindakan undang-undang dapat dikenakan kepada kedua-dua pihak yang terbabit bukan hanya tertumpu kepada lelaki semata-mata.

"Selama ini kita hanya mendakwa lelaki dalam kes rogol bawah umur, sedangkan hasil siasatan mendapati kebanyakan kes berlaku atas dasar suka sama suka. Saya mahu mencadangkan pihak berwajib turut mengambil tindakan terhadap perempuan yang terbabit.

"Apabila laporan dibuat, kita tetap perlu membuka kertas siasatan dan mengenakan pertuduhan terhadap lelaki mengikut Kanun Keseksan atau Akta Kanak-Kanak, walaupun terdapat pengakuan bahawa perbuatan itu dilakukan atas dasar suka sama suka," katanya selepas Perhimpunan Bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Kelantan, di sini, semalam.

**Kaji mekanisme pencegahan**

Dalam usaha mencegah perkara ini daripada terus berleluasa, beliau menggesa semua pihak memainkan peranan masing-masing, termasuk ibu bapa, guru dan institusi agama seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAII).

"Dalam hal ini, satu mekanisme pencegahan lebih menyeluruh akan diperhalusi dan dibincangkan bersama agensi berkai-



Mohd Yusoff menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota trafik cemerlang pada Perhimpunan Bulanan di IPK Kelantan, semalam. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

tan dalam masa terdekat bagi memastikan isu ini dapat ditangani secara berkesan dari aspek pendidikan, pemantauan dan perundangan.

"Kesalahan hubungan seks bawah umur kini biasanya disiasat

mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan (rogol) dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, manakala kanak-kanak perempuan lazimnya dilindungi sebagai mangsa," katanya.

## Undang-undang diaggap masih relevan

**Kota Bharu:** Undang-undang sedia ada membabitkan hubungan seksual bawah umur yang mana hanya lelaki sahaja berdepan hukuman dianggap masih relevan.

"Ini kerana perempuan berusia 16 tahun ke bawah yang diklasifikasikan sebagai golongan bawah umur bagi kes jenayah seksual perlu dilindungi walaupun ia membabitkan jenayah rogol suka sama suka.

Pada masa sama, pihak lelaki sama ada sudah dewasa atau bawah umur bagi mereka berusia bawah 18 tahun perlu sedar atau menahan diri daripada berbuat sebarang tindakan termasuk merogol untuk perempuan berusia 16 tahun ke bawah.

Peguam kanan, Muhammad Hasif Hasan, berkata bagi kesalahannya rogol, suspek iaitu lelaki akan didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan, namun hukuman berbeza bagi mereka yang dewasa dan bawah umur.

"Seksyen 376 Kanun Keseksan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat,

manakala bagi tertuduh bawah umur, mereka akan didakwa mengikut seksyen sama, namun hukuman atau perintah menggunakan akta kanak-kanak.

"Akta kanak-kanak bagi kesalahannya rogol jika dibuktikan memberikan amaran, melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik, memerintahkan kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dengan tempoh dan syarat ditetapkan mahkamah, selain memerintahkan kanak-kanak itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney.

"Perlu diingat setiap undang-undang digubal ada asasnya dan dalam isu ini asas perundangan adalah perempuan berusia 16 tahun ke bawah, iaitu golongan bawah umur perlu diberi perlindungan, bukannya dihukum kerana mereka dianggap mudah terpedaya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, polis Kelantan mencadangkan undang-undang

sedia ada diteliti semula khususnya dalam kes hubungan seksual bawah umur dengan kerelaan atau suka sama suka.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, berkata ia supaya tindakan tidak hanya ke atas pelaku sahaja, sebaliknya turut dikenakan terhadap pasangan mereka.

Katanya, statistik menunjukkan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan berlaku atas dasar suka sama suka, bukannya paksaan.

Mengulas lanjut, Muhammad Hasif berkata, walaupun perempuan itu secara rela, bukannya dipaksa, pihak lelaki tetap berdepan hukuman kerana mereka perlu sedar perempuan berusia bawah 16 tahun ini tidak boleh disentuh.

"Jangan letak beban di pihak perempuan kerana golongan lelaki itu sepatutnya tahu asas undang-undang perempuan bawah umur perlu dipelihara dan dilindungi.

umur kerana undang-undang itu sudah termaktub.

"Kanak-kanak adalah golongan rentan di mana hak dan kepentingan mereka perlu dilindungi kita semua, terutamanya agensi dalam sistem keadilan jenayah," katanya.

Sementara itu, berbeza pendirian peguam, Majdah Muhamad yang menyokong undang-undang itu diteliti semula jika pesalah dan mangsa membabitkan remaja bawah umur.

Beliu berkata, hukuman wajar turut dikenakan kepada remaja perempuan bawah umur selepas hasil perbicaraan mendapati perempuan itu menguaku perbuatan berkenaan dilakukan suka sama suka tanpa paksaan.

"Berbeza jika lelaki sudah dewasa manakala mangsa perempuan masih di bawah umur, walaupun suka sama suka hukuman itu sesuai untuk lelaki sahaja memandangkan suspek sudah dewasa dan sepatutnya mampu berfikir baik buruk melakukan perbuatan itu," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : BIAR DUA-DUA KENA DAKWA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Hazira Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my

## Biar dua-dua kena dakwa

Kota Bharu

*Polis Kelantan cadang akta babit hubungan seks suka sama suka diteliti semula*

Polis Kelantan mencadangkan agar peruntukan undang-undang sedia ada diteliti semula khususnya membabitkan kesalahan hubungan seks suka sama suka membabitkan kes bawah umur supaya tindakan tidak hanya dikenakan ke atas lelaki sahaja.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, statistik menunjukkan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan berlaku atas dasar suka sama suka bukannya paksaan.

Katanya, undang-un-

dang sedia ada perlu diperhalusi semula agar masyarakat lebih memahami kesan sesuatu kesalahan sekali gus membantu membendung peningkatan kes pada masa akan datang.

"Justeru, terdapat keperluan meneliti semula mekanisme perundangan sedia ada bagi memastikan tindakan undang-undang dapat dikenakan kepada kedua-dua pihak yang terbabit bukan hanya tertumpu kepada lelaki semata-mata.

"Selama ini kita hanya mendakwa lelaki dalam kes rogol bawah umur,

sedangkan hasil siasatan mendapati kebanyakan kes berlaku atas dasar suka sama suka. Maka saya mahu mencadangkan agar pihak berwajib mengambil tindakan terhadap perempuan yang terbabit.

"Apabila laporan dibuat, kita tetap perlu membuka

kertas siasatan dan mengenakan pertuduhan terhadap lelaki mengikut Kanun Keseksaan atau Akta Kanak-Kanak,

walaupun terdapat pengakuan bahawa perbuatan itu dilakukan atas dasar suka sama suka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang media selepas Perhimpunan Bulanan di

Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini, semalam.

Mohd Yusoff berkata, dalam usaha mencegah perkara itu daripada terus berleluasa, beliau menyeru agar semua pihak memainkan peranan masing-masing, termasuk ibu bapa, guru dan institusi agama seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).

"Dalam hal ini, satu mekanisme pencegahan yang lebih menyeluruh akan diperhalusi dan dibincang-

kan bersama agensi berkaitan dalam masa terdekat bagi memastikan isu ini dapat ditangani secara berkesan dari aspek pendidikan, pemantauan dan perundangan.

"Kesalahan hubungan seks bawah umur kini biasanya disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan (rogol) dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 manakala kanak-kanak perempuan lazimnya dilindungi sebagai mangsa," katanya.

**Terdapat keperluan meneliti semula mekanisme perundangan**  
Datuk Mohd Yusoff Mamat

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Syor tindakan terhadap perempuan terlibat kes rogol suka sama suka



MOHD. YUSOFF MAMAT

Olah . ROSMIZAN RESDI 21 September 2025, 12:09 pm

KOTA BHARU: Polis mencadangkan penelitian semula terhadap peruntukan undang-undang sedia ada berhubung kes rogol membabitkan hubungan suka sama suka remaja bawah umur, yang ketika ini hanya mengenakan pertuduhan terhadap pelaku lelaki.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, walaupun kedua-dua pihak terbabit secara rela, namun hanya lelaki boleh didakwa di bawah undang-undang semasa.

Katanya, perkara itu dilihat tidak adil dan peruntukan undang-undang berkenaan perlu diteliti semula agar tindakan turut diambil terhadap perempuan yang terlibat dengan kes seumpama itu.

"Selepas ini kita mahu pihak berwajib mengambil tindakan juga terhadap perempuan sekiranya terbukti berlaku suka sama suka. Kenapa hanya lelaki sahaja yang dihukum, sedangkan kedua-duanya terlibat?"

"Isu ini perlu dibawa kepada pihak berkaitan termasuk pejabat agama bagi melihat bentuk tindakan susulan kerana kebanyakan kes mempunyai pengakuan serta bukti jelas," katanya selepas Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini hari ini.

Mohd. Yusoff berkata, sebelum ini, kesalahan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan serta Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak menunjukkan peningkatan ketara, dengan lebih 90 peratus melibatkan hubungan suka sama suka.

Katanya, undang-undang yang ada perlu diperhalusi semula supaya masyarakat lebih faham kesan kesalahan dan pada masa sama dapat membendung peningkatan kes. –

**UTUSAN**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ABUYA BERDEPAN 6 LAGI TUDUHAN JENAYAH SEKSUAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Abuya berdepan 6 lagi tuduhan jenayah seksual

**Kota Bharu:** Mudir pondok pengajian agama di Kelantan yang dikenali sebagai Abuya bakal berdepan enam lagi pertuduhan berkaitan jenayah seksual terhadap remaja lelaki dalam masa terdekat.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, suspek yang berusia 46 tahun itu akan didakwa di Mahkamah Sesyen sebaik sahaja siasatan dan proses pendakwaan dilengkapkan.

Katanya, pada minggu lalu, suspek sudah berdepan dengan tujuh pertuduhan di Mahkamah Sesyen Pasir Mas membabitkan kes amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki selain pemilikan bahan lucah yang dijumpai di dalam telefon bimbit miliknya.

"Bukan itu sahaja, suspek turut berdepan dengan dua lagi pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Isnin lalu atas kesalahan sama

membabitkan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun," katanya selepas Perhimpunan Bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Kelantan, semalam.

Mohd Yusoff berkata, polis menahan semula suspek selepas menerima aduan baharu daripada seorang lagi mangsa lain yang berusia belasan tahun di lokasi sama.

"Dalam masa terdekat enam lagi pertuduhan akan dibuat terhadap suspek selepas ini.

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika disabit kesalahan," katanya.

Beliau berkata, difahamkan suspek mempunyai pengaruh besar dalam kalangan pengasas perniagaan di negeri ini selain terdapat pengikut tersendiri di media sosial.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : HEADMASTER FACES SIX MORE SEXUAL ASSAULT CHARGES

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## COPS BELIEVE MORE CASES COULD INVOLVE SUSPECT

# Headmaster faces six more sexual assault charges

**KOTA BARU:** A pondok school headmaster, who was re-arrested shortly after being charged with physical sexual assault on a male student in Kelantan, is expected to be charged with six similar offences.

State police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat said this followed six more reports lodged against the 46-year-old suspect.

"We are awaiting further instructions from the deputy public prosecutor. Police believe there could be more cases involving the suspect," he told a press conference yesterday.

The suspect was first charged in the Pasir Mas court on Sept 11 with seven counts of assaulting a

male student and possessing obscene images.

He pleaded not guilty and was released on RM45,000 bail.

On Sept 19, at the Terengganu court, he was charged with two more counts of physical assault and granted bail of RM18,000.

On a separate case, Yusoff said police are still awaiting information from their Thai counterparts regarding the seizure of 450,000 yaba pills worth RM1.8 million in Sungai Golok town last Friday.

"We were informed that authorities in Sungai Golok seized 450,000 yaba pills at a courier service centre in the town last Friday.

"We maintain close ties with

them, and I was told they are committed to assisting us in tackling this menace."

He added that the RM1.8 million valuation of the drugs was based on prices in Thailand, which are significantly lower than in Malaysia.

"In Kelantan, a yaba pill is sold for between RM8 and RM15."

Yusoff said Kelantan police had detected three attempts to smuggle drugs via courier services in Pasir Mas.

He also revealed that he had set a key performance indicator for narcotics officers in the state.

"I instructed narcotics unit in all districts to record at least 60 drug-related arrests daily."

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 'Abuya' bakal berdepan enam lagi pertuduhan jenayah seksual

Hazira Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my



MOHD Yusoff, gambar fail. FOTO NSTP

Kota Bharu: Seorang mudir pondok pengajian agama di Kelantan yang dikenali sebagai 'Abuya' bakal berdepan enam lagi **pertuduhan** berkaitan jenayah seksual terhadap remaja lelaki dalam masa terdekat.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, suspek yang berusia 46 tahun itu akan didakwa di Mahkamah Sesyen sebaik sahaja siasatan dan proses pendakwaan dilengkapkan.

Katanya, pada minggu lalu, suspek sudah berdepan dengan tujuh pertuduhan di Mahkamah Sesyen Pasir Mas membabitkan kes amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki selain pemilikan bahan lucah yang dijumpai di dalam telefon bimbit milik suspek.

"Bukan itu sahaja, suspek turut berdepan dengan dua lagi **pertuduhan** di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Isnin lalu atas kesalahan sama membabitkan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun," katanya kepada pemberita dalam sidang media selepas Perhimpunan Bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd Yusoff berkata, enam lagi pertuduhan itu dibuat selepas polis menahan semula suspek berikutan aduan baharu daripada seorang lagi mangsa lain berusia belasan tahun di lokasi yang sama.

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika disabit kesalahan," katanya.

Beliau berkata, difahamkan suspek mempunyai pengaruh besar dalam kalangan pengasas pemiagaan di negeri ini selain ada pengikut tersendiri di media sosial.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, suspek pertama kali didakwa di Mahkamah Seksyen Pasir Mas pada 11 September lalu atas tujuh pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar lelaki dan memiliki gambar lucah pada Jun 2024 hingga 20 Ogos lalu.

Tertuduh bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan terbabit dan dibebaskan dengan ikat jamin RM45,000.

Pada 19 September lalu, di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, suspek didakwa dengan dua lagi pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki dan diikat jamin RM18,000. Sebutan semula kes ditetapkan pada 5 November depan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Guru direman disyaki lakukan amang seksual terhadap murid lelaki

Oleh Fazli Ahmad - September 21, 2025 @ 9:10pm



Foto hiasan

PEKAN: Seorang guru penolong kanan, sebuah sekolah kebangsaan di kawasan perkampungan Orang Asli, di sini direman seminggu dan telefon bimbitnya dirampas bagi membantu siasatan kes amang seksual fizikal terhadap seorang murid lelaki.

Ketua Polis Daerah Pekan Superintendan Mohd Zaidi Mat Zin, berkata rampasan dilakukan kira-kira jam 10 malam, 13 September lalu, untuk menyiasat kemungkinan guru lelaki terbabit menyimpan video dan gambar lucah di dalam telefon bimbit suspek.

Katanya, rampasan itu dibuat susulan ibu seorang murid sebuah sekolah di Chini, di sini, membuat laporan guru lelaki terbabit melakukan amang seksual terhadap anaknya.

Katanya, kejadian terbongkar selepas murid berusia 11 tahun menceritakan perbuatan guru lelaki terbabit kepada ibu mangsa selepas pulang membuat persembahan kebudayaan di daerah ini, 13 September lalu.

"Berdasarkan laporan gangguan seksual itu berlaku 12 September, ketika guru lelaki terbabit ditugaskan mengiringi 11 murid membuat persembahan kebudayaan dan mereka menginap di asrama sebuah pusat latihan, di sini.

"Kira-kira jam 10 malam guru terbabit dikatakan mencabul mangsa dan mengajak murid lelaki terbabit ke katilnya.

"Guru berusia 45 tahun itu kemudian didakwa mencium dan melakukan kelucahan melampau terhadap kanak-kanak terbabit," katanya menerusi kenyataan.

Mohd Zaidi berkata, guru terbabit direman seminggu untuk membantu siasatan selepas polis menerima laporan mengenai kejadian.

Menurutnya, suspek dibebaskan semalam dengan jaminan polis dan pegawai penyiasat akan menghantar kertas siasatan kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan dikenakan sebatan.